



13 DEC, 2024

LIAM sokong syor sistem kumpulan berkaitan diagnosis



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

LIAM sokong syor sistem kumpulan berkaitan diagnosis

Kuala Lumpur: Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) menyokong cadangan memperkenalkan sistem kumpulan berkaitan diagnosis (DRG) kebangsaan bagi mengawal selia caj penjagaan kesihatan swasta dan mengesahkan kos perubatan yang terus meningkat.

DRG adalah klasifikasi pesakit berdasarkan diagnosis, jenis perawatan dan sumber yang digunakan dalam sesi rawatan.

Ketua Pegawai Eksekutif LIAM, Mark O'Dell, berkata industri akan diwakili dalam Jawatankuasa Teknikal DRG dan pihaknya menyokong DRG kerana hospital perlu mengenakan bayaran tetap dan sudah dipersejuaikan terlebih dulu.

"Ini memerlukan mereka melakukan apa yang perlu dan harus membantu mengurangkan kos serta diagnostik yang tidak perlu serta caj lain," katanya menerusi satu laporan dipetik daripada portal berita kesihatan, *CodeBlue*.

Difahamkan, ketika ini, cadangan bagi membangunkan DRG bermatlamat memastikan hospital menyediakan perkhidmatan kesihatan pada kadar tidak membebaskan rakyat, masih pada peringkat kajian.

Pada 28 November lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, ketika sesi pertanyaan jawab lisan

6 syor atasi kenaikan harga insurans, takaful



Keratan akhbar BH, semalam.

di Dewan Rakyat, memaklumkan kementerian itu juga sedang berbincang dengan Kementerian Kewangan (MoF) untuk pelaksanaan konsep DRG.

Sementara itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh mahu syarikat insurans dan Bank Negara Malaysia (BNM) memanggil semua pihak berkepentingan dalam proses perundingan kos perubatan, sebelum mereka mula menerbitkan data mengenai perbandingan kos perubatan di hospital swasta mulai pertengahan 2025.

Dalam satu kenyataan kelmarin, beliau berkata, hospital swasta terbuka kepada konsep terbabit dan bersedia dilibatkan dalam sesi perbincangan.

"Kami berbesar hati membincangkan dan memahami lebih lanjut mengenai," katanya.

Beliau turut menggesa satu analisis komprehensif dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor berkaitan kos penjagaan kesihatan, termasuk impak kecanggihan teknologi, pendigitalan dan harga bekalan perubatan.

Katanya, hospital swasta akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan merangkumi industri insurans, farmaseutikal, Bank Negara (BNM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk membangunkan model kos rawatan yang berkesan dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

"Hospital swasta menyumbang kira-kira RM6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tahun lalu dan menyediakan pekerjaan kepada lebih 45,000 orang.

"Penggunaan teknologi baharu seperti pembedahan robotik dan pelan rawatan secara peribadi diunjur menyumbang tambahan RM11 bilion kepada KDNK negara," katanya.

Isu peningkatan caj hospital dan insurans perubatan yang melambung tinggi sebelum ini membangkitkan banyak pihak termasuk beberapa Ahli Parlimen yang meminta supaya KKM mengawal perkara berkenaan.

Menjelaskan mengenai perkara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), KKM hanya berkuasa mengawal yuran konsultasi yang dikenakan pakar perubatan tetapi tidak berkuasa menentukan caj lain yang dikenakan pengendali hospital swasta.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr Ka-

linder Singh Khaira pula berpandangan peningkatan ketara caj premium insurans kesihatan boleh menyebabkan kebergantungan kepada sistem penjagaan kesihatan awam yang sudah terlalu terbeban ketika ini.

Ini berikutan pemegang polisi insurans yang sudah tidak mampu membayar premium atau kadar perlindungan yang ada tidak mencukupi tiada pilihan, sebaliknya terpaksa memilih sistem penjagaan kesihatan awam.



Mark O'Dell



13 DEC, 2024

LIAM sokong syor sistem kumpulan berkaitan diagnosis

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) menyokong cadangan memperkenalkan sistem kumpulan berkaitan diagnosis (DRG) kebangsaan bagi mengawal selia caj penjagaan kesihatan swasta dan mengekang kos perubatan yang terus meningkat. DRG adalah klasifikasi pesakit berdasarkan diagnosis, jenis perawatan dan sumber yang digunakan dalam sesi rawatan. Ketua Pegawai Eksekutif LIAM, Mark O'Dell, berkata industri akan diwakili dalam Jawatankuasa Teknikal DRG dan pihaknya menyokong DRG kerana hospital perlu mengenakan bayaran tetap dan sudah dipersetujui terlebih dulu.